

**BERIBADAH DI TENGAH WABAK
COVID-19: ANALISIS TERHADAP FATWA
MAJELIS ULAMA INDONESIA NO 14
TAHUN 2020 BERASASKAN TEORI
MAQĀṢID AL-SHARĪ‘AH AL-SHĀṬIBĪ**

**Worship During the Covid-19 Outbreak:
Analysis of the Fatwa of the Indonesia Ulama
Council Number 14 of Year 2020 Based on the
Theory of *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Shāṭibī***

Edi Kurniawan*

Alhusni**

Syed Arif Asyraf Syed Zaiful Hamzah***

ABSTRACT

The Indonesian Ulama Council (MUI) has issued fatwa number 14 of the year 2020 on the Maintenance of Prayer in the Situation of the COVID-19 Outbreak. Issues that were fatwaed such

* UIN Sulthan Thaha Saifuddin Jambi, Indonesia. Jl. Jambi-Muara Bulian Km. 16, Sungai Duren, Muaro Jambi, 36363. edikurniawan@uinjambi.ac.id

** UIN Sulthan Thaha Saifuddin Jambi, Indonesia. Jl. Jambi-Muara Bulian Km. 16, Sungai Duren, Muaro Jambi, 36363. alhusni@uinjambi.ac.id

*** UIN Sulthan Thaha Saifuddin Jambi, Indonesia. Jl. Jambi-Muara Bulian Km. 16, Sungai Duren, Muaro Jambi, 36363. syedarif@gmail.com

as not holding Friday prayers and replacing with noon prayers, not congregating in mosques, the ban on holding religious activities in public areas with high COVID-19 contagion and so on. Therefore, this article will analyze the fatwa based on the theory of maqāṣid al-sharī'ah al-Shātibī. Using the literature review method, this article concludes that the MUI fatwa has resulted in a response to the COVID-19 pandemic declaration that spread to Indonesia as well as provide guidance to the community regarding permission to worship in the COVID-19 epidemic situation. Studies show that the members of the MUI Fatwa Commission take into account the aspect of maslahah in the determination of fatwas. The maslahah refers to the theory of maqāṣid al-sharī'ah al-Shātibī, and covers all levels whether the levels of ḍarūriyyah, ḥājīyyah and taḥsīniyyah.

Keywords: *Maqāṣid al-sharī'ah, al-Shātibī, fatwa, Indonesian Ulama Council, COVID-19*

PENDAHULUAN

Semenjak munculnya *Coronavirus Disease* (COVID-19) di Wuhan, China dan diisytiharkan oleh World Health Organization (WHO) sebagai pandemik,¹ para ulama dan mufti daripada pelbagai negara turut memberi pandangan serta fatwa ekoran daripada isu COVID-19 ini, sebagaimana yang dilakukan oleh pihak Hay'ah Kibār 'Ulamā' al-Aẓhar al-Sharīf dalam satu

¹ Muhammad Adnan Shereen et al., "Covid-19 Infection: Origin, Transmission, and Characteristics of Human Coronaviruses," *Journal of advanced research* 24 (2020), 91; Hugues Seraphin, "COVID-19: An Opportunity to Review Existing Grounded Theories in Event Studies," in *Journal of Convention & Event Tourism* (Taylor & Francis, 2020), 1–33; I Dewa Gede Agung Diasana Putra, "'Stay at Home' for Addressing COVID-19 Protocol: Learning from the Traditional Balinese House," *Archnet-IJAR: International Journal of Architectural Research* 15, no. 1 (2020), 64–78.

kenyataan rasminya pada 15 Mar 2020,² Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait,³ Bayān Hay'ah Kibār al-'Ulamā' Su'ūdiyyah, serta Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan lain-lain. Artikel ini membincangkan fatwa MUI No. 14 Tahun 2020 tentang Penyelenggaraan Ibadah Dalam Situasi Terjadi Wabak COVID-19 yang dikeluarkan pada 16 Mac 2020⁴ berasaskan teori *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī.⁵ Fatwa tersebut dapat dibaca sebagai berikut:

² Mas'ūd Sabri, *Fatāwā al-'Ulamā Ḥawl Fīrūs Kūrūnā* (Cairo: Dār al-Bashīr li al-Thaqafah wa al-'Ulūm, 2020), 13-16.

³ Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, <http://site.islam.gov.kw/Pages/ar/NewsDetails.aspx?newsId=3023>.

⁴ Majelis Ulama Indonesia, "Fatwa Nomor 14 Tahun 2020 Tentang Penyelenggaraan Ibadah Dalam Situasi Terjadi Wabah Covid-19," <https://mui.or.id/berita/27674/fatwa-penyelenggaraan-ibadah-dalam-situasi-terjadi-wabah-Covid-19/>.

⁵ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, vol. II (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2005); Edi Kurniawan, "Early Marriage, Human Rights, and the Living Fiqh: A Maqasid Al-Shari'a Review," *Al-Risalah* 20, no. 1 (2020); Edi Kurniawan, "Distorsi Terhadap Maqasid Al-Syari'ah al-Syatibi di Indonesia," *Al-Risalah* 18, no. 2 (2018).

Jadual 1: Fatwa MUI No. 14 Tahun 2020 tentang Penyelenggaraan Ibadah dalam Situasi Terjadi Wabak COVID-19

Wajib	Haram	Mubah
<ul style="list-style-type: none"> - Menjaga kesihatan - Mengisolasi diri bagi penderita COVID-19 - Pengurusan jenazah yang dijangkiti COVID-19 sesuai dengan protokol perubatan dan ketentuan syarak - Membatasi keluar dan masuk Indonesia kecuali mendesak - Mendukung dan mentaati pemerintah dalam melawan COVID-19 	<ul style="list-style-type: none"> - Haram melakukan pelbagai bentuk ibadah atau melibatkan diri dengan perkumpulan di masjid bagi penderita COVID-19 - Membuat perkumpulan yang mengundang khalayak ramai 	<ul style="list-style-type: none"> - Boleh meninggalkan jumat dengan menggantinya dengan Zohor untuk mereka yang berada di suatu kawasan yang berpotensi penularannya tinggi atau sangat tinggi berdasarkan ketetapan pihak berkuasa

Ketetapa hukum dalam fatwa di atas membenarkan meninggalkan solat Jumaat dengan menggantinya dengan solat Zohor untuk mereka yang berada di suatu kawasan yang berpotensi penularannya tinggi berdasarkan ketetapan pihak yang berwajib, berjemaah di rumah berbanding di masjid dan sebagainya adalah ganjil dalam situasi normal. Keputusan fatwa ini kerana terdapat kemaslahatan yang menjadi tunjang *maqāṣid al-sharī'ah* di sebaliknya Sepertimana yang dijelaskan al-Shāṭibī bahawa hakikat *maqāṣid al-sharī'ah* adalah kemaslahatan (*al-maṣlahah*).⁶ Iaitu tujuan Allah SWT mencipta syariat adalah untuk memenuhi tujuan dan ketentuan yang sesuai dengan kehendak-Nya atau *maqāṣid-Nya*. Hal ini adalah untuk memberikan *maṣlahah* atau kebaikan

⁶ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, II, 9.

serta menghindari manusia daripada *mafsadah* atau kerosakan. Oleh yang demikian, setiap perkara yang disyariatkan oleh Allah SWT merupakan bahagian daripada *maqāṣid al-sharī'ah*. Maka, hukum-hakam dan fatwa mengenai Covid-19 tidak terlepas daripada perbincangan *maqāṣid al-sharī'ah*. Justeru, artikel ini akan mendiskusikan secara mendalam fatwa MUI tersebut berasaskan pada teori *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī.

Untuk mencapai tujuan tersebut, artikel ini dimulai dengan membahas tentang teori *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī. Selanjutnya artikel ini meneliti sebab terhasilnya fatwa MUI No 14 Tahun 2020 serta bagaimana ketentuan hukum-hakam yang terkandung didalamnya. Akhir sekali, artikel ini menganalisis fatwa tersebut berasaskan pada teori *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī untuk menguji sejauh mana fatwa tersebut mendapat kesahan.

MAQĀṢID AL-SHARĪ'AH AL-SHĀṬIBĪ

Pembahasan ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu pengenalan ringkas al-Shāṭibī, makna dan perbandingan konsep *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī dengan para ulama lain serta pengaruh ulama terdahulu ke atas al-Shāṭibī, dan terakhir eksplorasi lebih lanjut teori *al-maṣlahah* al-Shāṭibī sebagai asas dalam menganalisis fatwa MUI.

Al-Shāṭibī: Pengenalan Ringkas

Al-Shāṭibī adalah Abū Ishāq Ibrāhīm ibn Mūsā ibn Muḥammad

al-Lakhmī al-Gharnāṭī al-Shaṭībī,⁷ atau lebih dikenali dengan al-Shāṭībī, salah seorang ulama agung dari mazhab Maliki. Penisbahan al-Lakhmī ke atas namanya menunjukkan beliau berasal dari suku Arab yang menetap di Andalusia, sementara al-Gharnāṭī menunjukkan beliau lahir dan membesar di Gharnāṭah (Granada).⁸ Selain itu, al-Shāṭībī merujuk kepada nama sebuah Bandar, iaitu Shāṭībah.⁹

Tahun kelahirannya tidak diketahui secara pasti, kecuali Muḥammad Abū al-Ajḡān, menganggarkan pada tahun 720 H.¹⁰ Demikian pula latar belakang keluarga beliau juga tidak diketahui secara pasti, sehingga para penulis riwayat hidup para ulama terdahulu seperti yang tersebar dalam berbagai kitab *Mu'jam* dan *Ṭabaqāt* tidak memperoleh banyak maklumat mengenai riwayat hidup dan latar belakang keluarganya. Ini kerana riwayat hidup

⁷ Selengkapnya lihat, Mustafā al-Marāghī, *Al-Fath al-Mubīn fī Ṭabaqāt al-Uṣūliyyīn* (Miṭba'ah Anṣār al-Sunnah al-Muḥammadiyyah, 1946) II, 204; Maḥmūd Ḥasan al-Tūnkī, *Mu'jam al-Muṣannifīn* (Bayrūt, 2008) IV, 448 artikel no. 215; Khayr al-Dīn al-Zirkilā, *al-'Ālām*, (Lubnān: Dār al-'Ilm Lilmalāyīn, 2003) I, 75; Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Hajwī al-Tha'ālabī, *al-Fikr al-Sāmī fī Tārikh al-Fiqh al-Islāmī* (2008) IV, 182 artikel no. 672; 'Abd al-Hayy ibn 'Abd al-Kabīr al-Kittānī, *Fihras al-Fahāris wa al-Athbāt wa Mu'jam al-Ma'ājim wa al-Mashaykhāt wa al-Musalsalāt* (Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1982) I, 191 artikel no. 55; Ibn al-Qāḡī, *Durrah al-Hajjar fī Asmā' al-Rijāl*, ed. Muḥammad Aḡmadī Abū al-Nūr (Cairo: Maktabah Dār al-Turāth, tt) I, 182 artikel no. 239; 'Umar Riḡā Kaḡālah, *Mu'jam al-Muallafīn* (Muassasah al-Risālah, 2008) I, 77 artikel no. 582; Aḡmad Bābā al-Tunbaktī, *Nayl al-Ibtihāj Biṭaṭrīz al-Dībāj* (Ṭarāblas: Kuliyyah al-Da'wah al-Islāmiyyah, 1989) I, 48 artikel no. 17; Ṣīhab al-Dīn Aḡmad ibn Muḥammad al-Maqrī al-Tilmisānī, *Azhār al-Riyād fī Akhbār 'Iyāḡ* (al-Qāhirah: Miṭba'ah Lajnah al-Tālīf wa al-Tarjamah wa al-Nashr, 1939) II, 7.

⁸ Muḥammad Abū al-Ajḡān, *Min Āthār Fuqahā' al-Andalus: Fatāwā al-Imām al-Shāṭībī*, (Tūnis, 1985), 32.

⁹ Bandar ini terletak di Sepanyol dan menjadi salah satu Bandar penting disana kala itu. Bandar ini terkenal dengan industri kertas dan jatuh ke tangan penguasa Kristian pada tahun 1239 M., sehingga semua penduduk yang beragama Islam di Bandar itu diusir. Aḡmad Shantāwī, *Dāirah al-Ma'ārif* (Beyrut: Dār al-Fikr, t.th) III, 66.

¹⁰ Muḥammad Abū al-Ajḡān, *Min Āthār Fuqahā' al-Andalus*, 32.

dan latar belakangnya tidaklah tersohor seperti Ibn Khaldūn (1332-1406 M) misalnya, meskipun mereka hidup dalam satu masa.

Al-Shāṭibī memulakan pendidikannya semenjak kecil seperti belajar al-Quran dan Sunah. Muḥammad Abū al-Ajḡān menyebutkan, al-Shāṭibī belajar daripada 25 guru yang terkenal di Granada pada masa itu seperti Abū 'Abdu l-Lāh Muḥammad ibn al-Fakhkhār al-Bayrī (m. 754), seorang pakar Bahasa Arab dan *Qirā'at*; Abū Ja'far Aḡmad ibn Ādam al-Shaqūrī, seorang pakar dalam bidang *naḡw*; Abū Sa'īd Faraj ibn Qāsim ibn Aḡmad ibn al-Taghlabī (m. 782), seorang Mufti Granada dan Guru Madrasah al-Naṣriyyah; Abū 'Abdu l-Lāh Muḥammad ibn 'Alī ibn Aḡmad ibn Muḥammad al-Balansī al-Awsī (m. 782), seorang pakar tafsir pada masa itu.¹¹

Selain itu, sebagai seorang ulama yang luas ilmunya, tentu al-Shāṭibī menyebarkan dan mengajarkan ilmunya kepada generasi-generasi muda. Aḡmad Bābā menyebutkan, ada tiga orang murid al-Shāṭibī yang terkenal iaitu Abū Yaḡyā ibn 'Āṣim al-Shahīr, Qāḡī Abū Bakr ibn 'Āṣim, dan Abū 'Abd Allāh al-Bayānī.¹² Berkat bimbingan dan didikan beliau, Abū Yaḡyā menjadi seorang yang berilmu, pakar pidato, penulis, sastrawan yang terkenal. Sementara Qāḡī Abū Bakr menjadi seorang pakar fiqh, *uṣūl al-fiqh*, dan *muḡaddith*, yang ia menjadi rujukan bagi masyarakat dan penetapan fatwa. Selain itu, kitabnya *tuhḡah al-hukkām* yang ditulisnya pun menjadi rujukan para Hakim di Granada. Kemudian, Abū 'Abd Allāh al-Bayānī menjadi pakar fiqh semasa di Granada.¹³ Selain tiga orang murid yang terkenal ini, al-Shāṭibī juga masih mempunyai murid seperti Abū Ja'far Aḡmad al-Qiṣār al-Andalusī al-Gharnāṭī dan Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Muḥammad ibn 'Alī ibn 'Abd al-Wāḡid al-Mujārī.¹⁴ Abū Ja'far merupakan murid al-Shāṭibī yang cerdas, sehingga tatkala al-Shāṭibī menyusun karya agungnya *al-Muwāḡaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, al-Shāṭibī membahasnya secara bersama-sama dengan muridnya itu dalam pelbagai permasalahan yang ditemukan.¹⁵

¹¹ *Ibid.*, 33-40.

¹² Aḡmad Bābā al-Tunbaktī, *Nayl al-Ibtihāj Biṭaṭrīz al-Dībāj*, 50.

¹³ Muḥammad Abū al-Ajḡān, *Min Āthār Fuqahā' al-Andalus*, 40-41.

¹⁴ *Ibid.*, 41

¹⁵ *Ibid.*

Sebagaimana lazim para ulama agung lainnya yang telah meninggalkan banyak karya, al-Shāṭibī juga meninggalkan karya yang cukup banyak. Karya-karya tersebut boleh dikelompokkan kepada dua jenis, iaitu karya-karyanya yang telah diterbitkan dan yang belum diterbitkan atau masih dalam bentuk manuskrip. Karya-karyanya yang sudah diterbitkan adalah *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah* dalam bidang *uṣūl al-fiqh* yang menurut 'Umar Riḍā Kaḥālah, penulis *Mu'jam al-Muṣannifīn*, kitab ini dikenal juga dengan nama *'Inwān al-Ta'rīf Bi Asrār al-Taklīf*,¹⁶ *al-Maqāsid al-Shāfiyah fī Sharḥ al-Khulāṣah al-Kāfiyah* dalam bidang kaedah bahasa Arab (*nahu*); *al-Idā'iyah* dalam bidang *'aqidah*, dan *al-Ifādāt wa al-Inshādāt*. Sementara yang belum diterbitkan atau masih dalam bentuk manuskrip menurut Muḥammad Abū al-Ajḥān adalah *Sharḥ Jalīl 'Alā al-Khulāṣah fī al-Naḥw* dalam bidang *nahu*; *Kitāb al-Majālis*, yang merupakan syarahan daripada *kitāb al-Buyū'* daripada *ṣaḥīḥ* Imām al-Bukhārī dalam bidang *fiqh jual beli (mu'āmalah)*; *Sharḥ Rajaz Ibn Mālik fī al-Naḥw*; *'Inwān al-Ittifāq fī 'Ilm al-Istiḳāq*; dan *Uṣūl al-Naḥw*.¹⁷

Sebagai seorang ulama yang luas ilmunya dan berkualiti pula karya-karyanya, ternyata al-Shāṭibī mendapatkan kesan yang mendalam kepada ulama yang hidup semasa dengannya atau pun setelah kewafatannya. Abū 'Abd Allāh al-Ḥuffār (m. ʿʿ), seorang ulama pakar *fiqh* dan *Sunah* yang terkenal pada masa itu pernah datang kepada al-Shāṭibī untuk bertanya mengenai gaji yang diambil daripada bendaharaan kerajaan (*bayt al-māl*).¹⁸ Sementara Ibn Ṣirāj, ulama Sepanyol yang hidup semasa dengan al-Shāṭibī merasa berat untuk memberikan fatwa jika fatwanya itu berbeza dengan fatwa al-Shāṭibī.¹⁹ Selain itu, ulama-ulama besar di Sepanyol pada masa itu pun, seperti Abū 'Abbas Aḥmad al-Qubāb al-Fāsī (m. 779), Qāḍī Abū 'Abdu l-Lāh ibn Muḥammad ibn Aḥmad ibn 'Abd al-Malk al-Fishtātī (m. 777), dan Abū 'Abdu l-Lāh Muḥammad ibn 'Urfah al-Waraghimī al-Tūsī (m. 803),

¹⁶ 'Umar Riḍā Kaḥālah, *Mu'jam al-Muṣannifīn*, IV, 449

¹⁷ Muḥammad Abū al-Ajḥān, *Min Āthār Fuqahā' al-Andalus*, 43-50; aḥmad Bābā, *Nayl al-Ibtihāj Biṭṭarīz al-Dībāj*, 49; 'umar Riḍā Kaḥālah, *Mu'jam al-Muallafīn*, 450-454; Mustafā al-Marāghī, *Al-Fath al-Mubīn fī Tabaqāt al-Uṣūliyyīn*, 204-205.

¹⁸ Muḥammad Abū al-Ajḥān, *Min Āthār Fuqahā' al-Andalus*, 57.

¹⁹ *Ibid.*

duduk bersama al-Shāṭibī membincangkan berbagai perkara mengenai masalah perbezaan pendapat dalam fiqh dan *uṣūl al-fiqh*.²⁰ Para ulama telah bersepakat, beliau meninggal dunia pada hari Selasa, 8 Syaban 790 H.²¹

***Maqāṣid al-Syarī'ah*: Makna dan Huraian Konsep**

Perkataan *maqāṣid al-syarī'ah* berasal daripada bahasa Arab yang terdiri daripada dua suku perkataan, iaitu *maqāṣid* dan *al-sharī'ah*. *Maqāṣid* – bentuk jamak daripada *maqṣad* – bererti tujuan atau maksud. Manakala *al-sharī'ah* bererti sumber air dimana orang ramai mengambilnya untuk diminum.²² Oleh itu, *maqāṣid al-syarī'ah* bermaksud matlamat-matlamat syariah. Menurut istilah, al-Shāṭibī belum memaknainya dengan jelas, ia hanya menghubungkan dengan pembahasan *al-maṣlahah*. Namun, apa yang didefinisikan oleh para ulama moden seperti Ibn 'Āshūr, 'Alāl al-Fāsī, Wahbah al-Zuhaylī, *maqāṣid al-syarī'ah* bermaksud matlamat-matlamat dan rahsia-rahsia syarak yang ditetapkan oleh Tuhan (*al-syāri'*) dalam setiap hukum-hakamNya.²³ Matlamat-matlamat bertujuan untuk kemaslahatan hamba-hambaNya (manusia) di dunia dan akhirat kelak. Manakala dalam upaya mengisbatkannya, diperlukan metode, yakni penaakulan induktif terhadap dalil-dalil syariah (*al-istiqrā' al-sharī'ah*).²⁴

²⁰ *Ibid.*, 58

²¹ *Durrah al-Hajjar fī Asmā' al-Rijāl*, I, 182; *Nayl al-Ibtihāj Biṭaṭrīz al-Dībāj*, I, 48; *Mu'jam al-Muṣannifīn*, IV, 448; *al-A'lām*, I, 75; *al-Fath al-Mubīn fī Tabaqāt al-Uṣūliyyīn*, II, 204; *Mu'jam al-Muallafīn*, I, 77; *al-Fikr al-Sāmī fī Tārikh al-Fiqh al-Islāmī*, IV, 182; *Mu'jam al-Muṣannifīn*, IV, 449.

²² Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, peny. 'Abd Allāh 'Alī al-Kabīr, Vol. IV (Kairo: Dār al-Ma'ārif), 2238.

²³ Lihat, Muḥammad al-Tāhir ibn 'Āshūr, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, peny. Muḥammad al-Ḥabīb Ibn al-Khūjah (Doha: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2004), 165; 'Alāl al-Fāsī, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa Makārimuhā* (Dār al-Gharb al-Islāmī, 1993), 7; Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Vol. II (Damaskus: Dār al Fikr, 2011), 308.

²⁴ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 4.

Menurut al-Shāṭibī, *maqāṣid al-sharī'ah* ada dua, iaitu *maqāṣid al-shāri'* (tujuan Tuhan) dan *maqāṣid al-mukallaf* (tujuan manusia).²⁵ *Maqāṣid al-shāri'* terbahagi kepada empat, tujuan awal Tuhan dalam menetapkan syari'ah (adalah demi kemaslahatan hamba-hambaNya) (*qaṣd al-shāri' fī waḍ' al-sharī'ah ibtidā'an*), tujuan Tuhan dalam menetapkan syari'ah dengan maksud untuk difahami oleh hamba-hambaNya (*qaṣd al-syāri' fī waḍ'ihā li al-ifhām*), tujuan Tuhan dalam menetapkan hukum *taklīf* yang sesuai dengan ketentuan syari'ah (*qaṣd al-shāri' fī waḍ'ihā li al-taklīf bimuqtaḍāhā*), dan tujuan Tuhan membawa manusia ke bawah naungan hukum-Nya (*qaṣd al-shāri' fī dukhūl al-mukallaf taḥta ḥukmihā*).²⁶ Manakala *maqāṣid al-mukallaf* lebih ditumpukan pada amal perbuatan hamba dalam bidang adat (*al-'ādah*) mahupun ibadah (*al-'ibādah*).²⁷

Jika dilihat secara menyeluruh, tiada perkara baru dalam teori *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī ini. Maksudnya, asas-asas pembinaannya telah dirumuskan oleh para ulama terdahulu. Jasa al-Shāṭibī adalah merumuskan teori-teori yang terpisah sebagai asas *maqāṣid al-sharī'ah* sehingga menjadi teori yang kuat.

Misalnya, al-Juwaynī merupakan orang pertama merumuskan kaedah *maṣlahah*. Menurutnnya, *maṣlahah* terbahagi kepada lima tingkatan, iaitu *ḍarūriyyah*, *ḥājjiyyah*, *taḥsīniyyah*, *mandūb ilayh*, dan *maṣlahah*.²⁸ Sementara *al-kulliyāt al-khams* yang digunakan oleh para ulama *uṣūl al-fiqh* termasuk al-Shāṭibī, namun al-Juwaynī yang pertama merumuskannya. Meskipun begitu, pembahagiannya hanya empat bahagian iaitu memelihara agama (*'ibādāt*) darah (*damm*), kehormatan (*furūj*), dan harta (*amwāl*).²⁹

Asas-asas penting *maqāṣid al-sharī'ah* rumusan al-Juwaynī, kemudian dikembangkan oleh muridnya, al-Ghazālī. Tingkatan *maṣlahah* yang menurut al-Juwaynī ada lima tingkatan, disempurnakan oleh al-Ghazālī menjadi tiga tingkatan: *ḍarūriyyah*,

²⁵ *Ibid.*, Vol. II, 3.

²⁶ *Ibid.*, Vol. II, 3-4.

²⁷ *Ibid.*, Vol. II, 246-310.

²⁸ Al-Juwainī, *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*, Vol. II (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 79-80.

²⁹ *Ibid.*, Vol. II, 179.

ḥājīyyah, taḥṣīniyyah.³⁰ Para ulama *uṣūl al-fiqh* yang terkemudian dalam kurun antara al-Ghazālī dan al-Shāṭibī, bahkan sampai ke hari ini, masih mengikuti penyempurnaan rumusan al-Ghazālī.³¹ Sementara al-Shāṭibī sendiri, bersepakat dengan al-Ghazālī dalam hal pembahagian peringkat *maṣlaḥah* ini.³²

Selain itu, pembahasan tentang *al-kullīyyāt al-khams* yang dirumuskan oleh al-Juwaynī, kemudiannya dikembangkan oleh al-Ghazālī dengan menambahkan *ḥifẓ al-'aql* (memelihara akal) serta menyempurnakan peringkat yang pertama dan kedua dengan susunan memelihara agama (*dīn*), jiwa (*nafs*), akal (*'aql*), keturunan (*nasl*), dan harta (*māl*).³³ Selain itu, juga digunakan oleh para ulama *uṣūl al-fiqh* yang datang selepasnya.³⁴

Kaedah *maṣlaḥah* hasil rumusan al-Juwaynī yang dikembangkan oleh al-Ghazālī, memberi pengaruh besar terhadap ulama *uṣūl al-fiqh* yang datang setelah mereka. Tokoh-tokoh seperti Fakhr al-Dīn al-Rāzī, Sayf al-Dīn al-Āmidī, Ibn Ḥājib dan lain-lain, tidak terlepas daripada pengaruh ini,³⁵ termasuk juga al-Shāṭibī. Dengan demikian, al-Shāṭibī, perlu dilihat secara menyeluruh. Maksudnya, dalam merujuk kitab-kitab al-Shāṭibī, jasa-jasa para ulama yang menjadi inspirasi al-Shāṭibī juga tidak boleh dilupakan. Mereka, adalah al-Juwaynī dan al-Ghazālī, serta Imam al-Shāfi'ī. Ini kerana melalui kaedah analisis nas, seperti umum (*'amm*), khusus (*khaṣṣ*), jelas (*ẓāhir*), dan tidak jelas (*ghayr*

³⁰ Al-Ghazālī, *Shifā' al-Ghalīl fī Bayān al-Shabah wa al-Mukhīl wa Masālik al-Ta'līl* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999), 80-83; al-Ghazālī, *al-Mustaṣfā Min 'Ilm al-Uṣūl* (Kairo: al-Maktabah al-Tawfiqīyyah, 2010), 322-323.

³¹ Al-Rāzī, *al-Maḥṣūl fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh*, Vol. III (Kairo: Dār al-Salām, 2011), 1247-1248; Al-Āmidī, *Muntahā al-Sūl fī 'Ilm al-Uṣūl* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 343; al-Āmidī, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, Vol. III (Saudi Arabiya: Dār al-Ṣamī'ī, 2003), 343; Aḥmad al-Isfahānī, *Bayān al-Mukhtaṣar fī 'Ilmay al-Uṣūl wa al-Jadal*, Vol. II (Kairo: Dār al-Ḥadīth, 2006), 286.

³² Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 7.

³³ Al-Ghazālī, *al-Mustaṣfā Min 'Ilm al-Uṣūl*, 321.

³⁴ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 8 & Vol. I, 26.

³⁵ Al-Rāzī, *al-Maḥṣūl fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh*, Vol. III, 1247-1248; Al-Āmidī, *Muntahā al-Sūl fī 'Ilm al-Uṣūl*, 343; al-Āmidī, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, Vol. III, 343; Aḥmad al-Isfahānī, *Bayān al-Mukhtaṣar fī 'Ilmay al-Uṣūl wa al-Jadal*, Vol. II, 286.

al-zāhir), larangan (*nahy*), dan perintah (*amr*), juga memberikan pengaruh besar dalam rumusan *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī. *'Amm, khaṣṣ, zāhir, dan ghayr al-zāhir* dikembangkan oleh al-Shāṭibī dalam tema: tujuan Tuhan menetapkan syariah dengan maksud untuk difahami oleh hamba-hambaNya.³⁶ Manakala kaedah larangan dan perintah dikembangkan di bawah tema, cara-cara memahami *maqāṣid al-sharī'ah* khususnya pada analisis terhadap lafaz perintah dan larangan dan pertimbangan ke atas *'illah* perintah dan larangan.³⁷

Para ulama *uṣūl al-fiqh* selepas Imām al-Shāfi'ī mengembangkan lagi kaedah larangan dan perintah ini secara meluas.³⁸ Namun pengembangan yang lebih kreatif dan inovatif dilakukan oleh al-Shāṭibī, yang dikaitkannya dengan *maqāṣid al-sharī'ah*. Menurutnya, lafaz perintah (*amr*) dan larangan (*nahy*) yang terdapat pada nas mesti diketahui supaya dapat diamalkan atau ditinggalkan. Dengan melaksanakan yang diperintah atau meninggalkan yang dilarang, kata al-Shāṭibī, ia adalah tujuan Tuhan (*maqāṣid li al-shāri'*).³⁹

Selain itu, kaedah perintah dan larangan ini juga mempengaruhi *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī dalam perbincangan hukum *taklīf* (beban hukum ke atas mukalaf) dalam pembahasan mengenai tujuan Tuhan dalam menetapkan hukum *taklīf* yang sesuai dengan ketentuan syarak. Misalnya, al-Shāṭibī menjelaskan firman Allah Taala: “janganlah kamu mati kecuali kamu dalam keadaan Muslim (*wa lā tamūtunna illā wa antum muslimūn*)”;⁴⁰ atau dalam Hadis Nabi s.a.w: “jadilah hamba Allah yang dibunuh dan jangan engkau menjadi hamba Allah yang membunuh (*kun 'abd Allāh al-*

³⁶ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 49-82.

³⁷ *Ibid.*, Vol. II, 298-299.

³⁸ Al-Bāqillānī, *al-Taqrīb wa al-Irshād fī Uṣūl al-Fiqh* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2012), 245-493; Al-Juwainī, *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*, Vol. I, 91-106; al-Ghazālī, *al-Mustasfā Min 'Ilm al-Uṣūl*, 379-414; Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Maḥṣūl fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh*, Vol. I, 301-513.

³⁹ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 298.

⁴⁰ *Al-Baqarah* (2): 133.

maqūl wa lā takun 'abd Allāh al-qātil);⁴¹ atau dalam Sunahyang lain pula disebutkan: janganlah engkau mati sementara engkau dalam keadaan zalim (*wa lā tamut wa anta zālim*).⁴²

Sighah lā (yang bermakna larangan) dan *sighah amr* (perintah) dalam bentuk kata kerja *kun* pada ayat dan hadis-hadis di atas, telah dirumuskan oleh Imām al-Shāfi'ī, kemudian dikembangkan lagi oleh ulama *uṣūl al-fiqh* selepas beliau, sehingga al-Shāṭibī. Namun, dengan kreativiti dan inovasinya, pembahasan ini dimasukkan oleh al-Shāṭibī ke dalam rumusan *maqāṣid al-sharī'ahnya*, ia dikaitkan dengan hukum *taklīf* (yang dalam pembahasan al-Shāṭibī disebut dengan *mashaqqah mā lā yuṭāq*).⁴³

***Al-Maṣlahah*: Eksplorasi Teori al-Shāṭibī**

Sebagaimana telah dibuktikan dalam pembahasan sebelumnya bahawa teori *al-maṣlahah* bukan barang baru sebelum al-Shāṭibī, asas-asas telah dibina oleh al-Juwaynī yang kemudian disempurnakan oleh al-Ghazālī. Al-Shāṭibī juga masih mengikuti rumusan al-Ghazālī yang kemudiannya dikembangkan dengan lebih lanjut. Oleh kerana itu, artikel ini membahaskan teori *al-maṣlahah* al-Shāṭibī sebagai landasan teori dalam menganalisis Fatwa MUI sebagaimana yang akan dibincangkan dalam pembahasan selanjutnya.

Al-Shāṭibī membahagikan *al-maṣlahah* kepada tiga iaitu *darūriyyah*, *hājiyyah*, dan *taḥsiniyyah*.⁴⁴ *Darūriyyah* menurut al-Shāṭibī adalah perkara yang mesti ada dan diperlukan untuk menjaga kepentingan manusia di dunia dan akhirat.⁴⁵ Perkaran yang termasuk dalam kategori *darūriyyah* ini adalah menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mesti dipelihara daripada berlaku kerosakan.⁴⁶ Al-Shāṭibī memberi amaran di dalam *al-*

⁴¹ Lihat Aḥmad Ibn Ḥanbal, *Sunan al-Imām Aḥmad ibn Hanbal*, ed. Shu'ayb al-Arnāūṭ (Bayrūt: Muassasat al-Risālah, 2001), XXXIV: 542, Hadis no. 21064.

⁴² Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 82.

⁴³ *Ibid.*, Vol. II, 83-84.

⁴⁴ *Ibid.*, 17.

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ *Ibid.*, 20.

Muwāfaqāt bahwa jika *maṣlahah ḍarūriyyah* ini tidak dipenuhi, maka umat Islam akan dilanda kemudaratatan di dunia dan akhirat.⁴⁷

Selanjutnya, *ḥājiyyah*. Al-Shāṭibī berpendapat bahwa tujuan memenuhi *ḥājiyyah* adalah untuk memudahkan serta menjauhkan manusia daripada kesukaran atau kesempitan dalam hidup.⁴⁸ Al-Shāṭibī menjelaskan lagi, sekiranya *ḥājiyyah* tidak dipenuhi, maka umat Islam akan mengalami kesukaran dalam hidup, akan tetapi tidak akan terjadi kerusakan terhadap kemaslahatan umum.⁴⁹

Ketika membahas tentang *maqāsid al-sharī'ah* al-Shāṭibī, Shaykh al-Raysūnī menjelaskan kerusakan di dunia ataupun akhirat tidak akan berlaku sekiranya *ḥājiyyah* tidak dipenuhi.⁵⁰ Menurut al-Shāṭibī, *ḥājiyyah* ini diterapkan pada urusan ibadat, adat, muamalah dan jenayah.⁵¹ Contohnya adalah seorang yang mengalami *mashaqqah* atau kesukaran seperti musafir dan sakit mendapat *rukḥṣah* atau keringanan untuk mengerjakan ibadah.⁵² Oleh itu, *ḥājiyyah* ini perlu diaplikasikan bagi memelihara keutamaan dalam urusan ibadah.

Terakhir, *taḥsīniyyah*. Al-Shāṭibī telah menjelaskan bahwa *taḥsīniyyah* adalah memenuhi perkara yang sesuai dengan akal dan adat serta bagi mencegah perkara yang buruk menurut akal yang sempurna.⁵³ Al-Shāṭibī menjelaskan lagi, *taḥsīniyyah* adalah memenuhi segala perkara yang bertepatan dengan *makārim al-akhlāq* atau nilai pekerti yang baik.⁵⁴

Maṣlahah taḥsīniyyah adalah melengkapkan atau menyempurnakan *ḍarūriyyah* dan *ḥājiyyah*.⁵⁵ *Taḥsīniyyah* juga perlu ditumpukan dalam syariat Islam yang bersangkutan dengan urusan ibadat kaum Muslim. Konsep asal penciptaan

⁴⁷ *Ibid.*, 18.

⁴⁸ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 82.

⁴⁹ *Ibid.*, 12.

⁵⁰ Raisuni, *Nazahariyyah al-Maqāsid 'Ind al-Imām al-Shaātībī*, 146.

⁵¹ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 21.

⁵² *Ibid.*, 21-22.

⁵³ *Ibid.*, 22.

⁵⁴ *Ibid.*, 22.

⁵⁵ Nabila Zatadini dan Syamsuri, "Konsep Maqashid Syariah Menurut Al-Syatibi Dan Kontribusinya Dalam Kebijakan Fiskal," *Al-Falah: Journal of Islamic Economics* 3, no. 2 (2018): 1–16

manusia sangat sesuai dengan konsep *maṣlahah*. Hal ini adalah supaya umat Islam dapat mengabdikan diri kepada Allah SWT yang merupakan pencipta segala sesuatu. Contohnya yang dinyatakan oleh al-Shāṭibī adalah syariat menutup aurat, bersuci daripada segala bentuk najis dan mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan mengerjakan amalan sunat seperti bersedekah dan perbuatan lain yang sama dengannya.⁵⁶

Selain itu, al-Shāṭibī telah menjelaskan di dalam *al-Muwāfaqāt* bahawa *darūriyyah* merupakan asal atau asas bagi *maṣlahah*.⁵⁷ Kemudian Al-Shāṭibī menjelaskan lagi bahawa *darūriyyah* adalah berada pada tahap tuntutan yang paling tinggi. Justeru, dalam konsep *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī, *darūriyyah* perlu diutamakan berbanding *hājiyyah* dan *taḥsīniyyah*. Setelah menguraikan teori *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī dalam pelbagai perspektif, pembahasan selanjutnya membincangkan tentang fatwa MUI tentang COVID-19.

COVID-19 DAN FATWA MUI

Majelis Ulama Indonesia (MUI) telah mengeluarkan Fatwa No. 14 Tahun 2020 Tentang Penyelenggaraan Ibadah dalam Situasi Terjadi Wabak COVID-19⁵⁸ sebagai respons terhadap COVID-19. Bahagian ini membahaskan tiga perkara, iaitu sebab-sebab pengeluaran fatwa, ketentuan hukum, dan rekomendasi.

Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) mengambil keputusan untuk mengeluarkan Fatwa No. 14 Tahun 2020 setelah COVID-19 menular ke pelbagai negara, termasuk ke Indonesia. Selain itu, fatwa ini juga terhasil setelah Organisasi Kesihatan Dunia (WHO) telahewartakan COVID-19 sebagai pandemik. Fatwa ini dikeluarkan setelah Komisi Fatwa MUI menimbang bahawa langkah-langkah keagamaan perlu ditetapkan bagi mencegah COVID-19 supaya tidak meluas dan masyarakat perlu kepada fatwa tentang penyelenggaraan ibadah dalam situasi terjadi wabak COVID-19 untuk dijadikan panduan.

⁵⁶ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 22.

⁵⁷ *Ibid.*, 25.

⁵⁸ Majelis Ulama Indonesia, "Fatwa Nomor 14 Tahun 2020 Tentang Penyelenggaraan Ibadah Dalam Situasi Terjadi Wabah COVID-19".

Menjauhi segala hal yang boleh mengakibatkan dijangkiti penyakit merupakan sebahagian daripada *al-darūriyyat al-khams*, maka setiap orang wajib melakukan ikhtiar untuk menjaga kesihatan agar tidak dijangkiti penyakit.

Wajib bagi mereka yang dijangkiti COVID-19 untuk mengisolasi diri supaya penularan kepada orang lain tidak terjadi dan dia dapat menggantikan solat Jumaat dengan solat Zuhur. Hal ini kerana solat Jumaat adalah ibadah wajib yang melibatkan ramai orang sehingga berpeluang terjadinya penularan secara meluas. Diharamkan baginya untuk melakukan ibadah sunnah yang dapat menyebabkan berlakunya penularan solat lima waktu/rawatib, solat sunat Tarawih serta solat Aid yang dilakukan di masjid atau tempat umum yang lain. Selain itu, haram juga baginya untuk menghadiri pengajian umum dan tabligh akbar.

Bagi mereka diyakini tidak dijangkiti atau belum diketahui dijangkiti COVID-19, diperbolehkan untuk meninggalkan solat Jumaat dan menggantikannya dengan solat Zohordi tempat kediamannya sekiranya mereka ini berada di kawasan yang berpotensi penularannya tinggi atau sangat tinggi berdasarkan ketetapan pihak berkuasa.

Sebaliknya, bagi golongan yang sama, mereka wajib menunaikan kewajipan ibadah seperti biasa sekiranya berada di kawasan yang penularannya rendah berdasarkan ketetapan pihak berkuasa. Selain itu, wajib juga bagi mereka untuk menjaga diri agar tidak dijangkiti COVID-19, seperti tidak berinteraksi secara sentuhan fizikal dengan cara tidak berpelukan, cium tangan, bersalaman dan membawa sejadah sendiri serta sering mencuci tangan menggunakan sabun.

Umat Islam yang berada di kawasan yang mana kondisi penyebaran COVID-19 tidak terkawal dan boleh mengancam nyawa tidak diperbolehkan untuk mengadakan solat Jumaat sehingga keadaan kembali normal seperti sediakala dan wajib baginya untuk menggantikan dengan solat Zohor di kediaman sendiri. Di samping itu, aktiviti lain yang melibatkan ramai orang dan diyakini dapat menjadi punca penyebaran COVID-19 seperti jamaah solat lima waktu/rawatib, solat Tarawih dan Aid, pengajian majelis taklim di masjid mahupun tempat umum yang sewaktu dengannya juga tidak diperbolehkan.

Seterusnya diwajibkan untuk mengerjakan solat Jumaat serta dibenarkan untuk menjalankan aktiviti ibadah yang melibatkan ramai orang seperti jamaah solat lima waktu/rawatib, solat Tarawih, Aid, pengajian majelis taklim di masjid dan tempat umum yang lain bagi umat Islam yang berada dalam kondisi penyebaran COVID-19 terkawal. Walau bagaimanapun, mereka tetap wajib menjaga diri supaya tidak dijangkiti COVID-19.

Pemerintah menjadikan fatwa ini sebagai panduan dalam menetapkan dasar pengawalan COVID-19 berkaitan permasalahan keagamaan dan umat Islam wajib patuhi.

Pengurusan jenazah yang dijangkiti COVID-19, terutama dalam memandikan dan mengafani mesti dijalankan berdasarkan protokol perubatan dan dilakukan oleh pihak berkuasa, dengan tetap memperhatikan ketentuan syariat. Manakala, untuk mensalatkan dan menguburkannya pula mesti dilakukan sebagaimana biasa dengan tetap menjaga supaya tidak dijangkiti COVID-19.

Melakukan perbuatan yang menimbulkan kepanikan dan/ atau menyebabkan kerugian awam, seperti memborong dan/ atau menimbun bahan keperluan asas serta pelitup muka dan menyebarkan informasi palsu berkaitan COVID-19 adalah haram hukumnya.

Umat Islam dianjurkan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan memperbanyak ibadah, taubat, istighfar, dzikir, membaca Qunut Nazilah pada setiap solat fardhu, memperbanyak solawat, bersedekah, serta senantiasa berdoa kepada Allah SWT supaya diberikan keselamatan serta perlindungan dari marabahaya dan musibah khususnya dari COVID-19.

Menilai fatwa MUI ini, pemerintah wajib melakukan kawalan ketat terhadap aktiviti keluar masuk orang dan barang dari Indonesia, kecuali petugas perubatan dan barang keperluan asas serta keperluan kecemasan. Bagi golongan masyarakat awam, mereka wajib mendukung dan mematuhi dasar pemerintah yang melakukan isolasi dan penyembuhan terhadap orang yang dijangkiti COVID-19, agar penyebaran virus tersebut dapat dicegah.

Masyarakat mesti profesional dalam menangani suspek atau orang yang dijangkiti COVID-19. Oleh sebab itu, masyarakat

diharapkan dapat menerima kembali orang yang dinyatakan negatif dan/atau disahkan telah sembuh serta tidak memperlakukannya secara buruk.

ANALISIS TERHADAP FATWA

Setelah mendiskusikan fatwa MUI di atas, selanjutnya, artikel ini akan menganalisis fatwa MUI tersebut berasaskan teori *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī. Pembahasan ini merupakan pembahasan utama kerana ia akan menguji sejauh mana fatwa tersebut mendapat kesahan berasaskan pada teori al-Shāṭibī tersebut. Sebelum pembahasan ini dilanjutkan, penulis merasa perlu membuat kenyataan bahawa fatwa tersebut sesuai dengan teori *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī. Penjeliasannya sebagaimana berikut:

Dalam fatwa ini dinyatakan bahawa: “setiap orang wajib melakukan ikhtiar menjaga kesihatan dan menjauhi setiap hal yang dapat menyebabkan dijangkiti penyakit, kerana hal itu merupakan sebahagian daripada menjaga tujuan asas beragama (*al-darūriyat al-khams*)”.⁵⁹ Hal ini bertepatan dengan kenyataan al-Shāṭibī di dalam *al-Muwāfaqāt* yang sangat memberi perhatian terhadap pembangunan *darūriyyah* iaitu menjaga nyawa, agama, akal, keturunan dan harta bagi menjamin kesejahteraan di dunia dan akhirat.⁶⁰ Oleh itu, analisis daripada sudut *darūriyyah* akan dijelaskan menurut lima pembahagian yang telah diperincikan oleh al-Shāṭibī iaitu menjaga nyawa, agama, akal, keturunan dan harta.

Pertama, menjaga nyawa. Fatwa tidak membenarkan mereka yang dijangkiti COVID-19 menjalankan aktiviti ibadah dan urusan agama yang lain. Hal ini adalah untuk mencegah penyebaran COVID-19. Seseorang yang dijangkiti COVID-19 boleh menyebabkan kehilangan nyawa. Oleh itu, melindungi diri daripada wabak ini adalah sebahagian daripada menjaga nyawa.

Fatwa ini juga telah mewajibkan mereka yang dijangkiti COVID-19 untuk mengisolasi diri agar tidak menular kepada orang lain dan diharamkan bagi mereka untuk melakukan aktiviti

⁵⁹ *Ibid.*, 8.

⁶⁰ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 17-18.

ibadah yang bersifat sunat mahupun wajib di masjid dan ruang awam yang lain.⁶¹ Oleh itu, mereka yang dijangkiti COVID-19 tidak dibenarkan untuk mengerjakan aktiviti ibadah *maḥḍah* seperti solat Jumaat yang dilakukan di ruang awam seperti masjid. Tujuan daripada hal ini adalah bagi mencegah penularan COVID-19 yang dapat mengancam nyawa. Perkara ini bersesuaian dengan pendapat al-Shāṭibī yang meletakkan penjagaan nyawa sebagai salah satu daripada *darūriyyah* yang perlu diberikan perhatian sewajarnya.⁶²

Selain itu, fatwa ini juga membenarkan mereka yang berada di kawasan yang penularan tinggi meninggalkan solat Jumaat dan menggantikannya dengan solat Zohor. Hal ini adalah untuk melindungi nyawa umat Islam daripada bahaya COVID-19.⁶³ Perkara ini juga merupakan salah satu daripada *darūriyyah* iaitu menjaga nyawa sepertimana yang telah dinyatakan oleh al-Shāṭibī di dalam *al-Muwāfaqāt*.⁶⁴

Fatwa ini juga telah mewajibkan petugas dan pihak yang terlibat dalam pengurusan jenazah untuk mengikuti protokol kesihatan bagi mencegah penularan COVID-19.⁶⁵ Hal ini adalah kerana penularan COVID-19 merbahaya bagi nyawa umat Islam. Maka melalui pencegahan ini, nyawa umat Islam dapat dilindungi. Oleh itu, perkara ini bertepatan dengan kenyataan al-Shāṭibī bahawa penjagaan nyawa merupakan salah satu daripada *maṣlahah darūriyyah*.⁶⁶

Kedua, menjaga agama. Selain itu, fatwa ini juga tetap mewajibkan mereka yang tidak mampu mengerjakan solat Jumaat untuk menggantikan dengan solat Zohor kerana ia merupakan ibadah *maḥḍah* yang wajib bagi umat Islam. Al-Shāṭibī telah

⁶¹ Majelis Ulama Indonesia, “Fatwa Nomor 14 Tahun 2020 Tentang Penyelenggaraan Ibadah Dalam Situasi Terjadi Wabah Covid-19”.

⁶² Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 20.

⁶³ Majelis Ulama Indonesia, “Fatwa Nomor 14 Tahun 2020 Tentang Penyelenggaraan Ibadah Dalam Situasi Terjadi Wabah Covid-19”, 8.

⁶⁴ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 20.

⁶⁵ Majelis Ulama Indonesia, “Fatwa Nomor 14 Tahun 2020 Tentang Penyelenggaraan Ibadah Dalam Situasi Terjadi Wabah Covid-19”, 9.

⁶⁶ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 20

menjelaskan bahawa mengerjakan kewajiban agama merupakan salah satu daripada *ḍarūriyyah* iaitu menjaga agama.⁶⁷

Dalam fatwa ini, Komisi Fatwa MUI telah memberi peringatan kepada umat Islam untuk tetap mengerjakan ibadah *maḥḍah* iaitu solat Jumaat bagi mereka berada dalam kondisi penyebaran COVID-19.⁶⁸ Matlamat daripada keputusan fatwa ini adalah untuk menjaga agama. Al-Shāṭibī telah meletakkan penjagaan agama sebagai salah satu daripada *maṣlahah ḍarūriyyah* yang mesti dipatuhi umat Islam.⁶⁹ Maka ia sangat sesuai dengan konsep *maṣlahah* al-Shāṭibī.

Ketiga, menjaga akal. Kegiatan menuntut ilmu merupakan tuntutan kepada akal yang sihat dan berkembang bagi masyarakat yang maju. Penularan COVID-19 telah menghalang kegiatan menuntut ilmu. Hal ini kerana pengajian ilmu yang dilakukan di institusi pendidikan formal seperti sekolah, universiti mahupun institusi pendidikan tidak formal seperti kajian yang dilakukan di masjid tidak dapat dijalankan untuk mencegah penularan COVID-19. Maka COVID-19 mesti dicegah untuk menjaga akal. Walau bagaimanapun, setelah meneliti fatwa ini, penulis mendapati bahawa Komisi Fatwa MUI hanya menumpukan terhadap dua bahagian daripada *ḍarūriyyah*, iaitu menjaga agama dan nyawa.

Keempat, menjaga keturunan. COVID-19 secara jelas dapat mengancam keturunan umat Islam. Hal ini adalah apabila ramainya orang Islam meninggal akibat virus COVID-19, maka ia sekaligus mengurangkan keturunan manusia. Walau bagaimanapun, setelah menganalisis terhadap fatwa ini, penulis dapat memahami bahawa tujuan daripada fatwa yang dikeluarkan tidak cenderung terhadap melindungi keturunan, sebaliknya hanya fokus demi melindungi nyawa dan agama.

Kelima, menjaga harta. Sudah tidak dapat dinafikan bahawa mereka yang dijangkiti COVID-19 akan mengeluarkan belanja yang besar demi membiayai kos rawatan. Oleh sebab itu, perkara ini dapat mengancam harta umat Islam. Walau bagaimanapun,

⁶⁷ *Ibid.*, 18-19.

⁶⁸ Majelis Ulama Indonesia, "Fatwa Nomor 14 Tahun 2020 Tentang Penyelenggaraan Ibadah Dalam Situasi Terjadi Wabah Covid-19," 8.

⁶⁹ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 20.

Komisi Fatwa MUI tidak menumpukan terhadap usaha melindungi harta yang merupakan salah satu pembahagian *maqāṣid al-sharī'ah* yang telah diperincikan oleh al-Shāṭibī.

Selanjutnya, *maṣlahah* dalam peringkat *hājiyyah* yang dibawakan oleh al-Shāṭibī juga diterapkan melalui Fatwa MUI No 14 Tahun 2020. DSafatwa ini, MUI telah mewajibkan pemerintah untuk melakukan kawalan ketat terhadap keluar-masuknya orang dan barang dengan tetap membenarkan kemasukan barangan keperluan.⁷⁰ Tanpa barangan keperluan ini, umat Islam akan mengalami kesukaran untuk menjalani kehidupan, akan tetapi tidak akan mengalami kerosakan yang besar. Maka, tujuan daripada ketentuan hukum ini bersesuaian dengan konsep *hājiyyah* yang telah dibawa oleh al-Shāṭibī di dalam *al-Muwāfaqāt* iaitu bagi memudahkan, menjauhkan manusia daripada kesukaran atau kesempitan dalam hidup.⁷¹

Terakhir, *taḥṣīniyyah*. Dalam fatwa ini, Komisi Fatwa MUI telah menganjurkan umat Islam untuk mendekati diri kepada Allah SWT dengan memperbanyak ibadah, taubat, istighfar, zikir, membaca Qunut Nazilah pada setiap solat fardu, memperbanyakkan selawat, bersedekah, serta sentiasa berdoa kepada Allah SWT supaya diberikan keselamatan serta perlindungan daripada bahaya serta musibah, khususnya daripada COVID-19.⁷² Perkara ini sangat sesuai dengan dengan konsep *taḥṣīniyyah* yang dibawakan oleh al-Shāṭibī. Berdasarkan kepada *al-Muwāfaqāt*, al-Shāṭibī telah menjelaskan bahawa mendekati diri kepada Allah SWT dengan mengerjakan amalan sunat merupakan salah satu daripada bentuk *maṣlahah taḥṣīniyyah*.⁷³

Selain itu, Komisi Fatwa MUI juga memberi peringatan kepada umat Islam agar proporsional dalam menangani suspek atau orang yang dijangkiti COVID-19.⁷⁴ Maka, masyarakat diharapkan

⁷⁰ Majelis Ulama Indonesia, "Fatwa Nomor 14 Tahun 2020 Tentang Penyelenggaraan Ibadah Dalam Situasi Terjadi Wabah Covid-19," 9.

⁷¹ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 21.

⁷² Majelis Ulama Indonesia, "Fatwa Nomor 14 Tahun 2020 Tentang Penyelenggaraan Ibadah Dalam Situasi Terjadi Wabah Covid-19," 9.

⁷³ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 22.

⁷⁴ Majelis Ulama Indonesia, "Fatwa Nomor 14 Tahun 2020 Tentang Penyelenggaraan Ibadah Dalam Situasi Terjadi Wabah Covid-19," 10.

dapat menerima kembali orang yang dinyatakan negatif dan/ atau disahkan telah sembuh serta tidak memperlakukannya secara buruk.⁷⁵ Hal ini menggambarkan akhlak yang baik yang merupakan salah satu tuntutan *maṣlahah taḥsīniyyah* sepertimana yang dijelaskan oleh al-Shāṭibī dalam karyanya *al-Muwāfaqāt* bahawa *maṣlahah taḥsīniyyah* adalah memenuhi segala hal yang bertepatan dengan *makarimal akhlaq* atau nilai pekerti yang baik.⁷⁶

Dari pembahasan di atas dapat difahami bahawa menerusi analisis *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī terhadap fatwa ini, jelas bahawa apabila terjadi perbandingan antara perkara yang bersifat *darūriyyah*, *ḥājīyyah* dan *taḥsīniyyah*, maka tingkatan keutamaan dengan *darūriyyah* kemudian *ḥājīyyah* dan akhir sekali adalah *taḥsīniyyah*. Dalam fatwa ini, melindungi nyawa daripada COVID-19 lebih diutamakan daripada urusan ibadah yang dilakukan di ruang awam seperti masjid. Oleh itu, Komisi Fatwa MUI telah menetapkan bahawa umat Islam yang telah dijangkiti COVID-19 tidak dibenarkan untuk menyertai aktiviti keagamaan di ruang awam seperti masjid dan lain-lain.⁷⁷

Selain itu, umat Islam yang berada di kawasan COVID-19 tidak terkawal tidak dibenarkan menyelenggarakan aktiviti keagamaan yang melibatkan ruang awam.⁷⁸ Ketetapan hukum ini sesuai dengan pembahagian *maqāṣid al-sharī'ah* menurut al-Shāṭibī. Urusan ibadah seperti solat Terawih dan Hari Raya yang dilakukan di ruang awam seumpama masjid adalah bersifat *taḥsīniyyah*. Hal ini bertepatan dengan pendapat al-Shāṭibī di dalam *al-Muwāfaqāt* yang menyatakan bahawa segala bentuk ibadah *nawāfil* yang mendekati diri kepada Allah SWT merupakan sebahagian daripada *maṣlahah taḥsīniyyah*.⁷⁹ Manakala melindungi nyawa daripada dijangkiti COVID-19 adalah perkara yang bersifat *darūriyyah*. Al-Shāṭibī telah menjelaskan di dalam *al-Muwāfaqāt*

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol. II, 22.

⁷⁷ Majelis Ulama Indonesia, "Fatwa Nomor 14 Tahun 2020 Tentang Penyelenggaraan Ibadah Dalam Situasi Terjadi Wabah Covid-19," 8.

⁷⁸ *Ibid.*, 9.

⁷⁹ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Vol: II, 22.

bahawa menjaga nyawa merupakan sebahagian daripada *maṣlaḥah ḍarūriyyah*.⁸⁰

Oleh itu, jelaslah bahawa ketentuan hukum daripada Fatwa MUI No 14 Tahun 2020 mempunyai kaitan dengan konsep *maqāṣid al-sharī'ah* yang dibawakan oleh al-Shāṭibī kepada tiga pembahagian *maṣlaḥah* iaitu *ḍarūriyyah*, *ḥājīyyah* dan *taḥsīniyyah*. Selain itu, konsep keutamaan *maṣlaḥah ḍarūriyyah* yang merupakan asal atau asas bagi *maṣlaḥah* juga adalah sangat sesuai dengan ketentuan hukum yang terkandung dalam Fatwa MUI No 14 Tahun 2020. Namun secara keseluruhannya, penulis mendapati bahawa Komisi Fatwa MUI hanya fokus terhadap dua bahagian daripada *maṣlaḥah ḍarūriyyah* iaitu menjaga agama dan nyawa.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa fatwa MUI No. 14 tahun 2020 terhasil sebagai respons kepada pengisytiharan pandemik COVID-19 yang tersebar ke Indonesia sekali gus memberi garis panduan tentang penyelenggaraan ibadah dalam situasi terjadi wabah COVID-19. Fatwa ini mengandungi ketentuan hukum tentang keringanan umat Islam untuk meninggalkan ibadat *maḥḍah* seperti solat Jumaat dalam situasi COVID-19 yang penularannya tinggi dan tidak terkawal. Selain itu, fatwa ini juga mengharamkan umat Islam mengadakan aktiviti keagamaan yang melibatkan ruang awam yang berada dalam kawasan penularan COVID-19 yang tinggi dan tidak terkawal. Oleh itu, berasaskan kepada analisis *maqāṣid al-sharī'ah* al-Shāṭibī adalah perkara ini dibenarkan kerana ada kesahan kemaslahatan yang dijaga, sama ada ianya pada peringkat *ḍarūriyyah*, *ḥājīyyah*, mahupun *taḥsīniyyah*. Ketentuan hukum bagi menjaga nyawa daripada bahaya COVID-19 adalah berdasarkan kepada *ḍarūriyyah* yang dibawakan al-Shāṭibī iaitu menjaga nyawa. Selain itu, fatwa ini tetap mewajibkan mereka yang berada dalam keadaan selamat daripada COVID-19 untuk mengerjakan solat Jumaat yang merupakan ibadat *maḥḍah* yang

⁸⁰ *Ibid.*, 20.

dijalankan di ruang awam yang mana hal ini bersesuaian dengan *darūriyyah* yang dibawakan oleh al-Shāṭibī iaitu menjaga agama. Selain itu, kajian juga mendapati pencegahan COVID-19 bukan hanya berkaitan dengan penjagaan agama dan nyawa akan tetapi ia juga melibatkan penjagaan akal, keturunan dan harta. Walau bagaimanapun, Fatwa MUI No 14 Tahun 2020 hanya menekankan aspek penjagaan agama dan nyawa. Selain itu, *darūriyyah* diutamakan berbanding *hājjiyyah* dan *taḥsīniyyah* yang merupakan pandangan al-Shāṭibī.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Hayy ibn ‘Abd al-Kabīr al-Kittānī. *Fihras al-Fahāris wa al-Athbāt wa Mu‘jam al-Ma‘ājim wa al-Mashaykhāt wa al-Musalsalāt*. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1982.
- Aḥmad al-Isfahānī. *Bayān al-Mukhtaṣar fī ‘Ilmay al-Uṣūl wa al-Jadal*. Kairo: Dār al-Ḥadīth, 2006.
- Aḥmad Bābā al-Tunbaktī. *Nayl al-Ibtihāj Biṭaṭrīz al-Dībāj*. Ṭarāblas: Kuliyyah al-Da‘wah al-Islāmiyyah, 1989.
- Aḥmad Ibn Ḥanbal *Sunan al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal*. Peny. Shu‘ayb al-Arnāuṭ. Bayrūt: Muassasat al-Risālah, 2001.
- Aḥmad Shantāwī. *Dā‘irah al-Ma‘ārif*. Beyrut: Dār al-Fikr, n.d.
- Al-‘Alāl al-Fāsī. *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah wa Makārimuhā*. Dār al-Gharb al-Islāmī, 1993.
- Al-Āmidī. *Al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*. Saudi Arabiya: Dār al-Ṣamī‘, 2003.
- Al-Āmidī. *Muntahā al-Sūl fī ‘Ilm al-Uṣūl*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.
- Al-Bāqillānī. *Al-Taqrīb wa al-Irshād fī Uṣūl al-Fiqh*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2012.
- Edi Kurniawan. “Distorsi Terhadap Maqasid Al-Syari’ah Al-Syatibi Di Indonesia.” *Al-Risalah* 18, no. 2 (2018).
- Edi Kurniawan. “Early Marriage, Human Rights, and the Living Fiqh: A Maqasid Al-Shari’a Review.” *Al-Risalah: Forum Kajian Hukum Dan Sosial Kemasyarakatan* 20, no. 1 (2020).

- Al-Ghazālī. *Al-Mustaṣfā Min 'Ilm al-Uṣūl*. Cairo: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, 2010.
- Al-Ghazālī. *Shifā' al-Ghalīl fī Bayān al-Shabah wa al-Mukhīl wa Masālik al-Ta'līl*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999.
- Hugues Seraphin. "COVID-19: An Opportunity to Review Existing Grounded Theories in Event Studies." *Journal of Convention & Event Tourism*, 22:3–35. Taylor & Francis, 2021.
- I Dewa Gede Agung Diasana Putra. "'Stay at Home' for Addressing COVID-19 Protocol: Learning from the Traditional Balinese House." *Archnet-IJAR: International Journal of Architectural Research* 15, no. 1 (2020): 64–78.
- Ibn al-Qāḍī. *Durrah al-Hajjar fī Asmā' al-Rijāl*. peny. Muḥammad Aḥmadī Abū al-Nūr. Cairo: Maktabah Dār al-Turāth, n.d.
- Ibn Manẓūr. *Lisān al-'Arab*. peny. 'Abd Allāh 'Alī al-Kabīr. Kairo: Dār al-Ma'ārif, n.d.
- Al-Juwainī. *Al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, <http://site.islam.gov.kw/Pages/ar/NewsDetails.aspx?newsId=3023>.
- Khayr al-Dīn al-Zirkīlā. *Al-A'lām*. Lubnān: Dār al-'Ilm Lilmalāyīn, 2003.
- Maḥmūd Ḥasan al-Tūnkī. *Mu'jam al-Muṣannifīn*. Bayrūt, 2008.
- Majelis Ulama Indonesia, "Fatwa Nomor 14 Tahun 2020 Tentang Penyelenggaraan Ibadah Dalam Situasi Terjadi Wabah Covid-19," <https://mui.or.id/berita/27674/fatwa-penyelenggaraan-ibadah-dalam-situasi-terjadi-wabah-covid-19/>.
- Mas'ūd Sabri. *Fatāwā al-'Ulamā' Ḥawl Fīrūs Kūrūnā*. Cairo: Dār al-Bashīr li al-Thaqafah wa al-'Ulūm, 2020.
- Muḥammad Abū al-Ajfan. *Min Āthār Fuqahā' al-Andalus: Fatāwā al-Imām al-Shāṭibī*. Tūnis, 1985.

- Muhammad Adnan Shereen, Suliman Khan, Abeer Kazmi, Nadia Bashir, and Rabeea Siddique. "COVID-19 Infection: Emergence, Transmission, and Characteristics of Human Coronaviruses." *Journal of Advanced Research* 24 (2020): 91–98.
- Muhammad al-Ṭāhir ibn ‘Āshūr. *Maqāshid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. peny. Muḥammad al-Ḥabīb Ibn al-Khūjah. Doha: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 2004.
- Muhammad ibn al-Hasan al-Hajwī al-Tha‘ālabī. *Al-Fikr al-Sāmī fī Tārikh al-Fiqh al-Islāmī*, 2008.
- Mustafā al-Marāghī. *Al-Fath al-Mubīn fī Tabaqāt al-Uṣūliyyīn*. Miṭba‘ah Anṣār al-Sunnah al-Muḥammadiyyah, 1946.
- Al-Rāzī. *Al-Maḥṣūl fī ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*. Cairo: Dār al-Salām, 2011.
- Al-Shātibī. *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah*. Vol. II. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005.
- Ṣiḥab al-Dīn Aḥmad ibn Muḥammad al-Maqrī al-Tilmisānī. *Azhār al-Riyād fī Akhbār ‘Iyād*. al-Qāhirah: Miṭba‘ah Lajnah al-Tālīf wa al-Tarjamah wa al-Nashr, 1939.
- ‘Umar Riḍā Kaḥālāh. *Mu‘jam al-Muallafīn*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 2008.
- Wahbah al-Zuḥaylī. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Damaskus: Dār al Fikr, 2011.
- Zatadini, Nabila, and Syamsuri Syamsuri. "Konsep Maqashid Syariah Menurut Al-Syatibi Dan Kontribusinya Dalam Kebijakan Fiskal." *Al-Falah: Journal of Islamic Economics* 3, no. 2 (2018): 1–16.